

Program Titian Budi Semarak Kasih Anjuran NCRC

Northern Corridor Research Centre (NCRC)

Telah Dihantar: 16 Disember 2010 12:38

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

Sk: Northern Corridor Research Centre (NCRC); Mohamad Ezanee b. Yazid; Ahmad Syahri Bin Osman



16 Disember 2010 / 10 Muharam 1432

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

PROGRAM TITIAN BUDI SEMARAK KASIH

Tarikh : 16 Disember 2010 hingga 22 Disember 2010

Tempat : Daerah Kubang Pasu dan Daerah Padang Terap

Program ini di rancang bagi menyahut saranan kerajaan kepada semua agensi-agensi kerajaan di dalam memainkan peranan bagi membentasi kemiskinan. NCRC yang mewakili Universiti Utara Malaysia telah bertindak sebagai agensi pelaksana dengan kerjasama daripada Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kedah (PPPN) dan KEDA dengan dibantu oleh wakil-wakil Parlimen Kubang Pasu, Parlimen Jerlun dan Parlimen Padang Terap telah melancarkan program ini pada 16 Disember 2010 sehingga 22 Disember 2010 di Daerah Kubang Pasu dan Daerah Padang Terap.

LATAR BELAKANG PROGRAM

- Program ini akan dilaksanakan selama 7 (tujuh) hari yang melibatkan penyertaan seramai 120 orang pelajar dan pegawai dari UUM serta pegawai PPPN Kedah.
- Kumpulan pelajar tersebut akan dipecahkan kepada 2 kumpulan iaitu setiap daerah bilangan pelajar adalah seramai 50 orang.
- Keluarga angkat yang terlibat dalam program ini bagi setiap daerah adalah seramai 25 buah keluarga.
- Setiap keluarga akan diberikan 2 orang pelajar sebagai anak angkat dan akan membimbing keluarga tersebut sepanjang program ini dijalankan.
- Pelajar-pelajar akan sentiasa merangka aktiviti dan merangsang keluarga angkat supaya berlakunya perubahan minda dan tingkah laku serta meningkatkan motivasi mereka untuk mengubah tahap kehidupan mereka ke arah yang lebih baik pada masa hadapan.
- Program ini akan berterusan bagi fasa yang kedua untuk membantu keluarga angkat tersebut dalam segala aspek terutamanya membantu mereka untuk menjalankan aktiviti perniagaan atau keusahawanan.
- Pelajar-pelajar ini akan memainkan peranan utama dan berterusan dalam memastikan keluarga angkat tersebut dapat merubah kehidupan mereka kepada kehidupan yang lebih baik dalam sosioekonomi setempat.
- Pelajar yang terlibat juga akan menyediakan profil dan proposal untuk mengenalpasti bidang keusahawanan bagi meningkatkan pendapatan keluarga angkat. Seterusnya akan dipanjangkan kepada pihak Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kedah untuk tindakan selanjutnya.

VISI

- Ø Mewujudkan penyertaan masyarakat kampus terutamanya pelajar universiti untuk membantu golongan miskin dalam masyarakat setempat dengan mendorong golongan tersebut melalui pembangunan program keusahawanan.